

# Galakan capai kejayaan tinggi

Oleh YAP SIONG HAN

## ▶ Pelajar UMS adakan kem motivasi di SK Pulau Sepanggar

UB 22.5.2017 A7

**SEPANGGAR:** Ibu bapa di kawasan pedalaman perlu memberikan galakan dan menanam semangat yang tinggi dalam kalangan anak mereka untuk mencapai kejayaan yang tinggi di masa hadapan.

Ahli Parlimen Sepanggar Datuk Jumat Idris berkata usaha itu tidak terkecuali bagi para ibu bapa yang tinggal di Pulau Sepanggar yang mana anak-anak di kawasan berkenaan juga

“Program yang diadakan itu adalah salah satu usaha memberikan motivasi kepada murid tahun enam di kawasan berkenaan agar mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaan akan datang.”

### DATUK JUMAT IDRIS

Ahli Parlimen Sepanggar

mampu mencapai kejayaan besar sekiranya diberikan motivasi yang secukupnya.

“Saya berbangga kerana sekumpulan pelajar dari Universiti Malaysia

Sabah (UMS) berjaya mengadakan satu kem motivasi kepada para murid Sekolah Kebangsaan Pulau Sepanggar.

“Program yang diadakan itu adalah salah satu usaha memberikan motivasi kepada murid tahun enam di kawasan berkenaan agar mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaan akan datang,” katanya selepas merasmikan penutupan majlis Selangkah Ke



JUMAT (empat kiri) menyerahkan sijil penghargaan kepada SK Pulau Sepanggar.

arah Kejayaan, di sini, kelmarin.

Beliau berkata Pulau Sepanggar tidak mengalami perubahan yang besar sejak 30 tahun lalu ketika beliau menjadi pegawai pembangunan di Likas yang mana Pulau Sepanggar pada masa itu adalah sebahagian daripada kawasan Likas.

Katanya sejak 30 tahun lalu, hanya sekolah sahaja diperbesarkan dan menjadi lebih moden, manakala kehidupan masyarakatnya masih lagi seperti dahulu.

“Walaupun pulau ini bukan kawasan saya tetapi

Sepanggar namanya berasal daripada pulau ini. Oleh itu, saya berhasrat bersama masyarakat di sini untuk mengetahui bagaimana mereka boleh mengubah masa depan anak-anak mereka.

“Saya percaya dengan adanya program yang dilakukan oleh pelajar UMS ini, ia bukan sahaja dapat memberikan galakan kepada murid-murid tetapi juga memberi kesedaran kepada ibu bapa bagaimana mereka harus berubah mengikut peredaran masa kini,” katanya.

Jumat yakin sekiranya para ibu bapa dan murid diberikan galakan serta dorongan dengan kerjasama pemimpin serta agensi kerajaan, usaha sedemikian mampu membentuk satu masyarakat yang berfikiran moden dan maju.

“Saya turut memuji usaha yang dilakukan oleh para pelajar UMS ini kerana boleh memikirkan inisiatif menyusun program dengan kerjasama pejabat Parlimen saya seterusnya memberikan peruntukan kepada mereka untuk menjayakan program itu,” katanya.



PARA peserta program dan murid-murid SK Pulau Sepanggar merakamkan gambar kenangan.